

Che Puan Datin Mimi Wahedah

Lebih Berani Dan Yakin Pada Usia 50 Tahun

Melihatkan penampilannya kini, tidak jauh bezanya ketika di zaman kegemilangannya sebagai salah seorang supermodel terkenal Malaysia. Yang Mulia Che Puan Datin Mimi Wahedah binti Yusof, masih kekal cantik, langsing dan anggun.

Namun seiring dengan masa, beliau tidak lagi menghiasi pentas peragaan mahupun ruangan fesyen di dada akhbar dan majalah. Tetapi itu tidak bermakna isteri kesayangan Yang Mulia Adj. Prof. Dr. Sr. Tunku Fauzi bin Tunku Dato' Abdul Malek ini sudah jauh daripada dunia fesyen mahupun mata masyarakat.

Dahulu dan sekarang, beliau sentiasa sibuk menguruskan kehidupan peribadi, keluarga mahupun kerjayanya. Kadangkala beliau masih menerima tawaran untuk menjadi model. Jika tidak, masanya lebih banyak dihabiskan dengan menjalankan bisnes berkaitan pengayaan fesyen atau styling. Mimi Wahedah menawarkan khidmat kepada mereka yang berminat mendapat nasihatnya dalam dunia fesyen.

Akui Mimi Wahedah, minatnya terhadap dunia peragaan dan fesyen sudah wujud dalam dirinya sejak kecil lagi. Setelah remaja, minat itu semakin memuncak. Ibu bapanya pula tidak menghalang. Malah Allahyarham ibunya, Eshah binti Mohamad adalah individu yang banyak menyokongnya. Malah seingatnya, pertama kali dia bertanding sebagai model, ibu bapanya menemani.

"Kami ke sebuah pusat hiburan yang menjadi lokasi pilihan penganjur. Tetapi saya bersyukur kerana pandai menjaga diri. Apabila ibu bapa lihat saya pandai jaga diri dan komitmen di rumah tidak diabaikan, mereka tidak melarang saya menjadi seorang model," ujar Mimi Wahedah mengimbas kenangan lalu.

Kini apabila usianya mencecah 50 tahun, Mimi Wahedah terfikir untuk memajukan dirinya dengan menceburi bidang bisnes baru.

"Selama ini, dunia modelling sudah sebat dengan diri saya. Memang saya terfikir untuk terjun ke dunia perniagaan. Tetapi ketika itu masih tidak berani menceburinya. Saya jenis

yang tidak suka mengambil risiko. Saya bekerja dan buat apa yang saya tahu saja.

"Tetapi lama-kelamaan, apa yang saya dapat lihat benda yang ada dalam pemikiran saya ini tidak saya realisasikan dan orang lain telah buat perkara itu. Dalam hati, saya rasa rugi kalau saya tidak buat.

"Selama ini saya suka buat corporate training and styling hijab or turban. Malah orang boleh lihat apa yang saya pakai ini adalah apa yang saya suka. Sebagai contohnya turban yang saya pakai. Saya



Masih cantik dan aw muda dalam bisnes Bahari Kuala Lumpur.

tidak belajar pakai turban atau styling ini daripada You Tube atau sebagainya.

"Masa saya mula-mula pakai tudung banyak eksperimen saya buat. Saya tidak pakai pin sebaliknya saya guna getah dalam menggayakan tudung. Saya tidak suka pini kerana ibu saya menghidap kencing manis. Saya fobia apabila melihat jarum peniti terutamanya yang diletak merata-rata tempat.

"Kalau saya pakai tudung saya akan selit sahaja tudung itu. Semua itu berkaitan dengan styling atau cara kita menggayakannya. Kadang-kadang fesyen dan styling ini kita perlu fikir luar daripada kotak. Kita tidak perlu ikut apa yang orang lain buat. Kita boleh jadi berbeza tetapi janganlah sampai penampilan kelihatan ganjil," tambah beliau lagi.

Beliau juga merancang untuk mengeluarkan koleksi ready to wear turban di bawah jenama MW by Mimi Wahedah dalam masa terdekat. Beliau juga akan bekerjasama dengan bekas pesakit kanser dalam menggayakan turban keluarannya itu.

Akui Mimi Wahedah, minat terhadap gaya turban itu sendiri bermula sejak dia menceburi bidang modelling.

"Saya sudah lama buat kelas mengayakan turban dan juga kelas solekan. Sebabnya sewaktu saya buat modelling dahulu, ada juga saya menggayakan turban walaupun pada ketika itu saya tidak bertudung. Saya rasa turban itu unik dan classy. Tetapi disebabkan pada zaman itu tidak ramai yang bertudung seperti sekarang, apa yang saya buat itu tidak jadi iktuan.

"Berbeza sekali pada zaman sekarang ini. Tidak hairanlah sebab ramai yang telah bertudung menyebabkan bisnes tudung zaman sekarang lebih banyak jika dibandingkan zaman dahulu. Saya perlu ambil peluang ini," jelasnya lagi.

Buka peluang kepada ahli perniagaan ikut Peniagawati ke New York.



"Selain itu Peniagawati bukan bawa sekadar fesyen tetapi kami akan turut mencari peluang perniagaan bagi mengetengahkan produk-produk Malaysia di sana.

Penglibatannya dalam bisnes juga telah menemukannya dengan Peniagawati. Dia telah dipilih sebagai sebagai Timbalan Presiden 2 Peniagawati.

"Peniagawati adalah NGO yang pertama dan terulung di Malaysia. Penuang kami adalah Tan Sri Rafidah Aziz. Sesiapa yang hendak menjadi ahli Peniagawati mestilah seorang Bumiputera dan perlu berusia 18 tahun ke atas. Mereka juga perlu ada sijil SSM. Ini bermakna mereka perlu ada syarikat. Tidak kiralah mereka bekerja di rumah, secara bergerak atau mobile, apa yang penting mereka ada SSM.

"Ahli-ahli dan usahawan yang menyertai Peniagawati ini terdiri daripada pelbagai bidang usahawan. Namun disebabkan fesyen ini suatu bidang yang orang boleh ingat, sejak dua tahun lepas, Peniagawati telah mula menceburi industri fesyen. Kami bermula dengan Malaysian Fashion Week 2016.

"Sejak daripada itu orang telah mengaitkan Peniagawati dengan fesyen. Pada tahun 2017, Peniagawati telah pergi ke New York. Insha-Allah pada tahun ini pada bulan September 2018 kami akan ke New York sekali lagi.

"Pada bulan September setiap tahun akan diadakan Minggu Fesyen di New York. Terdapat pelbagai jenis fesyen di sana. Peniagawati akan pergi di bawah Couture Fashion Week. Peniagawati juga masuk ke NYC Live Fashion Show.

"Tahun lepas kami membawa tiga orang pereka fesyen seperti Mok Cun, Eja Shahril dengan Sara J. Disebabkan feedback dari tahun lepas itu menggalakkan.

Women - Achievement

28 - 13.52.54

jadi pada tahun 2018 ini Matrade menjadi rakan kongsi dan bekerjasama dengan Peniagawati untuk membawa pereka fesyen ke New York.

"Selain itu Peniagawati bukan bawa sekadar fesyen tetapi kami akan turut mencari peluang perniagaan bagi mengetengahkan produk-produk Malaysia di sana. Sasaran Peniagawati adalah fesyen dan misi bisnes yang berjalan serentak ketika di New York kelak," jelas Mimi Wahedah lagi.

Selain ahli perniagaan wanita, Peniagawati juga telah membuka peluang kepada semua orang tidak kiralah wanita, lelaki mahupun bukan bumiputera untuk mengikuti rombongan bisnes ke New York itu nanti.

"Ini adalah misi bisnes. Sebab itu kami tidak kisah sama ada mereka yang menyertai rombongan ini bukan bumiputera. Alhamdulillah, tahun ini kami akan membawa rombongan bisnes yang agak besar. Sesiapa yang berminat bolehlah menghubungi Peniagawati," tambah wanita anggun ini.

AMALKAN BERJALAN UNTUK SIHAT

Gaya hidupnya sewaktu masih aktif sebagai seorang supermodel pada zaman dahulu dan kehidupannya kini tiada beza. Dia masih kekal aktif dalam apa sahaja bidang yang diceburi.

"Saya memang jenis aktif. Dari dahulu sehingga sekarang saya suka buat program CSR dan membantu orang lain. Saya masih ingat ketika zaman remaja, saya pernah mengajar orang mengaji. Malah saya juga pernah masuk pertandingan mengaji. Semasa kecil saya belajar mengaji sebab saya minat.

"Ketika di sekolah saya boleh dikatakan budak nakal juga. Tetapi bila tiba bab mengaji, cikgu akan memanggil saya untuk menyertai pertandingan. Tetapi apabila sudah besar tiba-tiba saya masuk bidang modelling. Terkejut ustaz saya apabila mengetahui pelajarinya jadi model," cerita Mimi Wahedah.

Sehingga sekarang, Mimi Wahedah masih mampu untuk mengaji dengan baik. Malah jika ada masa dia akan mengaji di rumah bersama anak perempuannya, Yang Mulia Tunku Affie Rania.

Melihatkan penampilannya, sering kali membuatkan mereka yang mengenolinya

tertanya-tanya apakah rahsia dirinya kekal cantik dan sihat? Inilah nasihat Mimi Wahedah kepada wanita yang mahu cantik dan sihat pada usia 50 tahun.

"Sebenarnya apa yang saya miliki ini adalah kurniaan Allah. Apa yang penting adalah niat yang kita ada. Cara saya menjaga kesihatan dan penampilan adalah dengan minum air suam setiap pagi. Saya akan minum sebanyak dua gelas air suam yang telah dicampurkan dengan lemon. Ini bertujuan untuk menguruskan badan.

"Selain daripada itu, saya tidak suka makan benda-benda manis. Lagi satu paling penting adalah jangan merokok. Kalau kita tidak merokok, dalamannya elok. Apabila dalamannya elok barulah luarannya nampak cantik.

"Kalau ikutkan, saya suka makan. Saya suka karbohidrat. Apa yang saya amalkan bagi memastikan berat tidak naik adalah saya sentiasa berjalan. Saya akui kurang bersemang kerana tidak ada masa. Tetapi kalau saya berjalan, saya akan berjalan dengan pantas. Sebagai contoh kalau saya naik escalator, saya akan berjalan naik mengikut escalator. Begitu juga kalau saya turun escalator, cara yang sama saya buat," akhirnya menutup bicara. ❁



Aktif dengan aktiviti Peniagawati.



"Ini adalah misi bisnes. Sebab itu kami tidak kisah sama ada mereka yang menyertai rombongan ini bukan bumiputera."